

NOTA PINTAS NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN VS SONGKET BERBENANG EMAS

BIL	KATA KUNCI	NOVEL	PERISTIWA	PERSOALAN	PERWATAKAN	L.MASYARAKAT	L.MASA&TEMPAT	NILAI	PENGAJARAN	SUMBANGAN/MESEJ/PEDOMAN/ISTIMEWA/MENARIK
1.	Kasih sayang	T4	Ibu Lili mencadangkan Lili menghabiskan cuti persekolahannya di kampung neneknya di Dungun, Terengganu dan Lili akur akan cadangan ibunya itu kerana dia terlalu menyayangi ibunya.	Kasih sayang anak terhadap ibunya	Seorang yang penyayang	Masyarakat yang penyayang	Pagi Rumah Lili	Kasih sayang	Kita hendaklah saling menyayangi antara satu sama lain	*Mendidik pembaca agar sentiasa menyayangi antara satu sama lain
		T5	Dahlia melawat ibunya, Saleha yang dirawat di Hospital Permai dan berharap ibunya segera sembuh kerana dia amat menyayangi ibunya.	Kasih sayang anak terhadap ibunya	Seorang yang penyayang	Masyarakat yang penyayang	Petang Hospital Permai	Kasih sayang	Kita hendaklah saling menyayangi antara satu sama lain	*Mendidik pembaca agar sentiasa menyayangi antara satu sama lain
2	Bertanggung jawab	T4	Danel sanggup mengorbankan nyawanya untuk menyelamatkan Lili yang diculik dan disembunyikan oleh Haziq dan Rafiq demi menunaikan tanggungjawab terhadap rakan yang sedang diancam bahaya.	Tanggungjawab terhadap rakan	Seorang yang bertanggungjawab	Masyarakat yang bertanggungjawab	Malam Rumah usang	Tanggung jawab	Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap rakan yang dalam kesusahan.	*Mendidik pembaca agar menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang dalam kesusahan
		T5	Embong bertanggungjawab menyara kehidupan keluarganya dengan menoreh getah dan memetik buah kelapa sawit.	Tanggungjawab terhadap keluarga	Seorang yang bertanggungjawab	Masyarakat yang bertanggungjawab	Pagi Kebun getah dan sawit	Tanggung jawab	Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga	*Mendidik pembaca agar menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga

3.	Prihatin	T4	Lili prihatin terhadap keluarga Che Jah yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga oleh Seman. Dia berusaha untuk membantu Che Jah, Haziq dan Rafiq walaupun ditentang oleh datuk dan neneknya pada permulaan.	Sikap prihatin terhadap nasib malang seseorang	Seorang yang prihatin	Masyarakat yang prihatin	Petang Rumah Che Jah	Keprihatinan	Kita hendaklah prihatin terhadap masalah orang lain	*Mendidik pembaca untuk sentiasa prihatin terhadap masalah orang lain
		T5	Ibu Dahlia iaitu Saleha telah dihantar ke hospital untuk menjalani rawatan sakit jiwa atas keprihatinan Haji Sulaiman.	Sikap prihatin sesama manusia	Seorang yang prihatin	Masyarakat yang prihatin	Malam Rumah Embong	Keprihatinan	Kita hendaklah prihatin terhadap masalah orang lain	*Mendidik pembaca untuk sentiasa prihatin terhadap masalah orang lain
4	Berani	T4	Che Jah membuat pengakuan bahawa suaminya yang melarikan kubah surau. Selama ini, penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafiq, namun telahan mereka tersasar.	Keberanian menyatakan sesuatu yang benar	Seorang yang berani	Masyarakat yang berani	Pagi Balai Raya Kampung Sentosa	Keberanian	Kita hendaklah berani menyatakan sesuatu kebenaran	*Mendidik pembaca untuk berani untuk menyatakan perkara yang benar
		T5	Dahlia berusaha menyelamatkan Said, anak Aton yang lemas ketika mandi di sungai hadapan rumahnya. Walau bagaimanapun, Said tidak dapat diselamatkan.	Keberanian dalam menyelamatkan nyawa	Seorang yang berani	Masyarakat yang berani	Pagi Sungai di hadapan rumah Dahlia	Keberanian	Kita hendaklah berani dalam menyelamatkan nyawa seseorang	*Mendidik pembaca untuk berani dalam menyelamatkan nyawa seseorang
5	Tabah	T4	Datuk tabah meneruskan pekerjaan dan minatnya sebagai pengamal perubatan tradisional kerana masih ramai	Ketabahan meneruskan usaha mengekalkan perubatan	Seorang yang tabah	Masyarakat yang tabah	Sepanjang usia datuk Rumah datuk	Ketabahan	Kita hendaklah tabah dalam mengusahakan sesuatu yang menjadi minat	*Mendidik pembaca untuk tabah dalam meneruskan sesuatu usaha walaupun menghadapi cabaran

			penduduk kampung yang percaya akan perubatan tradisional termasuk ibu Geetha. Walau bagaimanapun, dia agak tersinggung apabila Danel memberhentikan rawatan ayahnya William yang merupakan pesakit datuk untuk beralih kepada rawatan moden.	tradisional			di Kampung Sentosa		kita	
		T5	Dahlia tabah meneruskan pembelajarannya menjelang peperiksaan STPM walaupun terpaksa keluar dari asrama kerana menjaga adik-adiknya lantaran ibunya mendapat rawatan di Hospital Permai dan kerana kemiskinan. Dahlia tetap belajar di pusat pemindahan banjir walaupun serba kekurangan.	Ketabahan dalam menghadapi pelbagai dugaan hidup	Seorang yang tabah	Masyarakat yang tabah	Semasa banjir Di rumah / di pusat pemindahan banjir	Ketabahan	Kita hendaklah tabah dalam menghadapi pelbagai dugaan hidup	*Mendidik pembaca untuk tabah dalam menghadapi dugaan
6	Gigih	T4	Geetha belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam jurusan Kejuruteraan Awam	Kegigihan menuntut ilmu	Seorang yang gigih	Masyarakat yang gigih	Pagi Di dalam bas	Kegigihan	Kita hendaklah gigih dalam menuntut ilmu	*Mendidik pembaca untuk gigih dalam menuntut ilmu
		T5	Sebelum ke Jepun, Dahlia perlu mengikuti kursus bahasa Jepun di Universiti Malaya selama	Kegigihan menuntut ilmu	Seorang yang gigih	Masyarakat yang gigih	Pagi Sekolah Menengah	Kegigihan	Kita hendaklah gigih dalam menuntut ilmu	*Mendidik pembaca untuk gigih dalam menuntut ilmu

			enam bulan				Temenggung Ibrahim			
7	Rajin	T4	Lili dan Geetha rajin membantu nenek memasak di dapur malah Lili juga sering bangun awal untuk membantu nenek menyelesaikan kerja rumah.	Kerajinan membantu menyelesaikan kerja rumah.	Seorang yang rajin	Masyarakat yang rajin	Pagi Rumah nenek	Kerajinan	Kita hendaklah rajin membantu menyelesaikan sesuatu kerja.	*Mendidik pembaca untuk mengamalkan nilai kerajinan
		T5	Dahlia berlatih bola jaring untuk bertanding dengan pelajar tingkatan enam rendah. Dahlia memberitahu Siti Wangi bahawa dia telah pun mengumpul isi-isi kerja kursus Cikgu Hisham tetapi faktanya masih belum lengkap.	Kerajinan melakukan sesuatu tugas.	Seorang yang rajin	Masyarakat yang rajin	Petang Padang bola jaring	Kerajinan	Kita hendaklah rajin melakukan sesuatu tugas.	*Mendidik pembaca untuk mengamalkan nilai kerajinan

PLOT CERITA/SINOPSIS

	PERMULAAN	PERKEMBANGAN	PUNCAK	PELERAIAN
JENDELA MENGHADAP JALAN	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Lili pulang ke kampung datuknya di Dungun, Terengganu dengan menaiki bas. Walaupun dia tidak gembira dengan percutiannya pada kali ini, namun dia ikutkan sahaja kehendak ibunya supaya ibunya tidak berasa kecil hati. ➤ Dalam perjalanan ke Dungun, Lili bertemu Danel dan juga Geetha dalam 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Datuk menghadapi situasi getir di kampung akibat penggantian kubah surau. ➤ Kekalutan turut timbul apabila Sugi dikatakan memujuk orang kampung untuk menjual tanah bagi pembinaan kawasan perumahan di kampung datuk. ➤ Datuk didatangi oleh orang dari bandar untuk mendapatkan rawatan secara tradisional. ➤ Geetha memaklumkan kepada Lili bahawa datuknya telah Berjaya 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Che Jah memaklumkan bahawa suaminya yang melarikan kubah surau. Selama ini penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafiq, namun telahan mereka tersasar. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Che Jah dicadangkan oleh Kak Hamimah supaya membuat laporan polis supaya suaminya itu dapat diberkas dan dipulihkan. ➤ Suami Che Jah ditangkap di belakang pondok dusun. ➤ Haziq diberi herba sebagai penawar oleh datuk. ➤ Rafiq dihantar ke

	bas.	<p>menyembuhkan ibunya Latchumi yang sakit dengan menggunakan herba tradisional.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Danel sering datang untuk membantu nenek memasak kerana menganggap nenek seorang yang pandai memasak dan masakan nenek sangat sedap. ➤ Danel berbual mesra dengan datuk dan menerangkan kepentingan perubatan moden. Namun cara Danel yang berhemah dapat memastikan bahawa datuk tidak berkecil hati. ➤ Danel sering menulis artikel tentang pisang. ➤ Lili diculik oleh anak-anak Che Jah, namun Berjaya diselamatkan oleh Danel. 		<p>hospital untuk mendapatkan rawatan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Sugi tidak mengaku ada kaitan dengan wakil pemaju perumahan yang memujuk penduduk kampung menjual tanah mereka. ➤ Datuk dituduh melindungi anak-anak Che Jah yang menculik Lili. ➤ Sugi memaklumkan bahawa dia berhasrat memajukan tanah penduduk kampung dengan projek agripolitan dan penanaman Jatropha Cuncas. ➤ Ibu pulang menaiki bas tanpa ayah. ➤ Lili pulang ke Kuala Lumpur untuk menghadiri majlis perpisahan pengetuanya. ➤ Haziq dan Rafiq kembali semula ke sekolah untuk menduduki PMR.
SONGKET BERBENANG EMAS	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dahlia pelajar tingkatan enam atas sedang menjalani latihan bola jaring di padang bola jaring. Mereka berlatih kerana ada perlawanan 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dahlia amat sedih apabila melihat keadaan emaknya, Saleha yang berada di kebun getah pada waktu senja. Emaknya sudah tidak mengenalinya lagi. Dahlia dan abahnya memujuk emaknya balik ke 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Abu Bakar menjumpai kain merah yang sudah reput yang membungkus telur ayam yang mengandungi jarum peniti, cincin akik, butiran pasir dan paku. Dahlia menyuruh Abu 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Kedatangan Cikgu Daim membawa berita gembira apabila Dahlia terpilih untuk mengikuti pengajian di Jepun selama empat tahun.

	<p>dengan pelajar-pelajar enam rendah.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Semasa berhenti rehat, Dahlia teringat akan emaknya yang hilang ingatan. ➤ Azhari datang menemuinya di kantin sekolah dan memberitahu dia sudah tamat pengajiannya di universiti. Dia menyuarakan hasrat mahu merisik Dahlia. ➤ Pada petang itu, Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumahnya di Kampung Parit Haji Rais. 	<p>rumah dengan bantuan orang kampung.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Nek Kiah menyalahkan Embong yang menyebabkan Saleha menjadi kurang siuman. ➤ Dengan bantuan Haji Sulaiman, Saleha dibawa ke Hospital Batu Pahat dan seterusnya dihantar ke Hospital Permai di Johor Bahru kerana keadaannya semakin serius. ➤ Dahlia terpaksa keluar dari asrama dan kerap ponteng sekolah kerana menguruskan adik-adiknya. ➤ Abah Dahlia pula dimasukkan ke wad kerana dipatuk ular. 	<p>bakar membuangnya ke sungai.</p>	<p>Sebelum ke Jepun ,Dahlia perlu mengikuti kursus bahasa Jepun di Universiti Malaya selama enam bulan.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Majlis pertunangan Dahlia terlewat kerana jurucakap majlis lewat sampai. ➤ Azhari datang berjumpa Dahlia di stesen bas sebelum Dahlia bertolak ke Kuala Lumpur. Dia telah menghadiahkan songket berbenang emas berwarna merah kepada Dahlia. Azhari mahu Dahlia menjaga jati dirinya sebagai orang Melayu walaupun berada di mana-mana jua.
--	---	---	-------------------------------------	--

CABARAN@KONFLIK DAN CARA PENYELESAIAN

NOVEL	KONFLIK	CARA PENYELESAIAN
<p>JENDELA MENGHADAP JALAN</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konflik untuk meletakkan kubah surau sama ada di surau lama atau di masjid yang akan dibina. ➤ Konflik rumah tangga antara Che Jah dengan suaminya,Seman. 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Lili, Danel dan Geetha akan mengadakan perjumpaan terbuka dengan penduduk kampung untuk menjelaskan kepentingan membina masjid daripada memasang kubah di bumbung surau. ➤ Lili mendapatkan bantuan Kak Mimah,pesakit datuk yang bekerja sebagai pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah keluarga Che Jah.
<p>SONGKET</p>	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Konflik antara Nek Kiah dengan Dahlia apabila Nek Kiah berprasangka buruk 	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dahlia hanya mendiamkan diri semasa ditegur oleh

BERBENANG EMAS	<p>terhadap Dahlia apabila melihat Azhari menghantar Dahlia pulang ke rumahnya.</p> <p>➤ Konflik antara Dahlia dengan Cikgu Salwani yang tidak membenarkan Dahlia keluar dari asrama untuk menjaga adik-adiknya setelah ibunya dimasukkan ke hospital.</p>	<p>Nek Kiah.</p> <p>➤ Dahlia bertekad keluar dari asrama dan berulang-alik dari rumah ke sekolah.</p>
----------------	--	---

MASYARAKAT YANG PINCANG/KEPINCANGAN MASYARAKAT (TINDAKAN WATAK YANG TIDAK WAJAR DICONTOKI)

NOVEL	KEPINCANGAN MASYARAKAT	SEBAB TIDAK WAJAR DICONTOKI	PERISTIWA
JENDELA MENGHADAP JALAN	Kepincangan masyarakat yang terlibat dalam gejala sosial	Pelibatan dalam gejala sosial sehingga merosakkan diri sendiri dan menyusahkan penduduk kampung.	Sebagai contohnya, Rafik dan Haziq suka mencuri harta benda orang kampung. Selain itu, mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
SONGKET BERBENANG EMAS	Kepincangan masyarakat yang memandang serong tentang kemiskinan orang lain	Sikap memandang serong terhadap orang miskin sehingga menimbulkan perasaan benci terhadap keluarga sendiri.	Sebagai contohnya, Nek Kiah tidak suka akan menantunya Embong dan cucu-cucunya kerana hidup dalam kemiskinan sedangkan anak-anaknya yang lain berjaya dalam kehidupan.